






KEMENTERIAN BELIA DAN SUKAN

Jelajah Belia



23509595
JEL(f)



JELAJAH BELIA



PUSTAKA PERDANA



1006969

© Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia (IPPBM) 2007

Perpustakaan Negara Malaysia Data Pengkatalogan-Dalam-Penerbitan
ISBN 983-43270-2-6

Diihamkan
YB Dato' Seri Azalina Dato' Othman Said
Menteri
Kementerian Belia dan Sukan Malaysia

Penasihat
Dato' Mohd Yasin bin Mohd Salleh
Ketua Setiausaha
Kementerian Belia dan Sukan Malaysia

Editor/Penyelaras
Prof. Dr. Samsudin A. Rahim
Ketua Pegawai Eksekutif
Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia

Penyelidik/Penulis
Prof. Dr. Samsudin A. Rahim
Prof. Dr. Nik Anuar Mahmud
Mohd. Hilmi Abdul Rahim
Shariffah Mamat
Mastura Mohamad

Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia, Kementerian Belia dan Sukan Malaysia
Aras 10, Menara KBS, Lot 4G4, Presint 4, Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62570 Putrajaya, Malaysia
Laman Web: www.youth.org.my Tel: +603 - 8871 3705 Faks: +603 - 8871 3342

Rekabentuk dan cetakan diurus oleh Syarikat Impeccable Vision Sdn Bhd
No. 29 - 2, Jalan 1/154, Taman Bukit Anggerik, Batu 6, Cheras, 56000 Kuala Lumpur, Malaysia.

305.1350-1595

JLL

f

KANDUNGAN

<i>Belia Teraju Pembangunan Bangsa dan Negara</i>	5
<i>50 Tahun Berlalu 50 Tahun Mendatang</i>	7
<i>Jelajah Belia</i>	9
<i>Belia Pemangkin Perubahan dan Kesedaran</i>	13
<i>Perjuangan Belia dalam Menuntut Ketuanan Melayu</i>	18
<i>Belia dan Pengisytiharan Kemerdekaan</i>	38
<i>Ilmu dan Pengalaman</i>	48
<i>Belia Mengisi Erti Kemerdekaan</i>	50
<i>Membawa Belia Keluar daripada Belunggu Kemiskinan</i>	58
<i>Belia dan Perpaduan</i>	66
<i>Belia Melangkaui Sempadan Menguji Keupayaan</i>	72
<i>Belia Pemangkin Modal Insan</i>	80
<i>Menjayakan Modal Insan</i>	88
<i>Menteri-Menteri Belia dan Sukan</i>	100
<i>Bersatu Teguh, Bercerai Roboh</i>	110
<i>Bulat Air kerana Pembetung, Bulat Kata kerana Muafakat</i>	120
<i>Janji Dipahat, Kata Dikota</i>	128
<i>Patah Tumbuh Hilang Berganti</i>	142

BELIA TERAJU PEMBANGUNAN BANGSA DAN NEGARA

“Setelah lama kita Merdeka, kita harus merenung masa depan kita serta memiliki impian dan aspirasi yang mungkin dilihat sebagai tidak boleh dicapai hari ini tetapi dapat digapai oleh generasi kita selepas 100 tahun.

Sekiranya Wawasan 2020 mengenal pasti sembilan cabaran bagi mewujudkan masyarakat yang bersatu, demokratik, beretika, toleransi, saintifik dan makmur, 2057 pula adalah mengenai usaha untuk kecemerlangan. Jika 2020 merupakan asas negara maju, 2057 ialah mengenai apa “yang menjadikan diri kita unggul” dalam semua bidang.

Sekiranya 2020 adalah mengenai jenis orang yang kita akan menjadi, 2057 adalah mengenai puncak kecemerlangan yang orang kita harus miliki.”

*YAB Dato' Seri Abdullah Haji Ahmad Badawi
Majlis Makan Malam Kelab Perniagaan, Kuala Lumpur
14 Jun 2007*





NFC
MAJLIS KECERGASAN KEBANGSAAN
NATIONAL FITNESS COUNCIL
MAJALAH SUKAN UNTUK SEMUA
KKDN Q/PP1509/001(14) • ISU NO: 2 • NOV/OKS 2007
PERCUMA

NFC
MAJLIS KECERGASAN KEBANGSAAN
NATIONAL FITNESS COUNCIL
MAJALAH SUKAN UNTUK SEMUA
KKDN Q/PP1509/001(14) • ISU NO: 3 • JANUARI 2007
PERCUMA
Wanita tahan
Marina legenda
BERSATU...
net.my

NFC
MAJLIS KECERGASAN KEBANGSAAN
NATIONAL FITNESS COUNCIL
MAJALAH SUKAN UNTUK SEMUA
KKDN Q/PP1509/001(14) • ISU NO: 4 • FEBRUARI 2007
Senam Juara
CERGAS...

BERSATU

AZALINA

Jadikannya rutin
kebiasaan
kegiatan
kegiatan
kegiatan


50 TAHUN BERLALU, 50 TAHUN MENDATANG

SEMPENA perayaan 50 tahun kemerdekaan dan sambutan Hari Belia 2007, Kementerian Belia dan Sukan mengambil kesempatan untuk merakamkan penghargaan kepada peranan dan sumbangan belia terhadap kemerdekaan negara, serta peranan dan sumbangan negara terhadap pembangunan belia sejak 50 tahun yang lalu.

Generasi belia hari ini adalah kesinambungan pembangunan dan kemajuan negara daripada tempoh 50 tahun berlalu dengan tempoh 50 tahun mendatang.

Tempoh 50 tahun mendatang akan mencabar kita semua untuk terus memajukan negara bagi mencapai matlamat misi nasional. Paparan sejarah 50 tahun lalu yang dimuatkan dalam JELAJAH BELIA 2007 seharusnya menjadi iktibar kepada kita untuk memulakan langkah besar ke hadapan menghadapi cabaran 50 tahun mendatang.

Salam hormat,



YB Dato' Seri Azalina Dato' Othman Said
Menteri Belia dan Sukan



ional Championship 2005
Beat it!



JELAJAH BELIA

BELIA adalah petunjuk utama keadaan sesebuah negara. Jatuh dan bangun sesebuah negara dalam bidang ekonomi, perubahan dalam nilai budaya, kehidupan keluarga dan nilai moral, struktur pekerjaan dan konsep kenegaraan boleh dilihat melalui keadaan hidup generasi belia.

BELIA hari ini hidup dalam satu era yang makmur dan aman damai. Pengisian kemerdekaan sejak 50 tahun yang lalu membuat generasi belia hari ini mampu berusaha untuk mencabar diri mereka bagi merealisasikan potensi diri mereka yang sebenar.

BELIA perlu mengambil teladan daripada sejarah dan juga orang yang berjaya. Pendita Za'aba menyatakan;


“Jikalau kamu tidak seperti orang-orang berjaya yang mulia-mulia dan masyhur itu, maka sekurang-kurangnya tirulah mereka dan cubalah menyamai mereka. Sesungguhnya meniru sesuatu yang baik dan mencuba hendak menyamakan diri dengan orang yang mulia dan kebilangan itu adalah satu kejayaan juga”.

JELAJAH BELIA adalah satu wadah yang mengimbu kembali sumbangan belia kepada kemerdekaan negara dan juga sumbangan kerajaan kepada pembangunan belia dalam usaha mengisi kemerdekaan. Semoga ia dapat memberi teladan dan inspirasi kepada generasi belia.


EDITOR

“APABILA GENERASI MUDA SEKARANG INI MENJADI DEWASA,
NEGARA SEMAKIN DEKAT MENGHAMPIRI TAHUN 2020 DAN
MEREKA ADALAH TENAGA MUDA DALAM PEMERINTAHAN NEGARA,
SEKTOR AWAM DAN SWASTA. MEREKA BERTANGGUNGJAWAB
MENCETUSKAN TENAGA RAKSASA UNTUK KITA TERUSKAN
PERJUANGAN BANGUNKAN NEGARA BAGI 50 TAHUN AKAN
DATANG ... OLEH ITU, TERUSLAH BERSEDIA DAN TERUSLAH
BEKERJA UNTUK BANGSA DAN NEGARA ...”

Dato' Seri Abdullah Ahmad Badawi
Pelancaran Rakan Muda Fasa II
29 Mei 2007



MENUJU KEMERDEKAAN





Jumlah Timangan

245, 40

12.00 Mm - 0

BELIA PEMANGKIN PERUBAHAN DAN KESEDARAN

BELIA merupakan satu golongan yang penting dalam sesebuah negara dan mereka adalah penentu masa depan sesebuah masyarakat dan negara. Pentingnya belia bukan sahaja terletak kepada golongan mereka yang ramai dan sebagai tenaga utama di dalam proses pembangunan dan pembinaan satu bangsa Malaysia, tetapi juga sangat bergantung kepada golongan belia yang aktif, berdisiplin dan progresif.

Sebagai satu bangsa, kita mewarisi satu sejarah yang penting. Zaman Penjajahan menjadi pengalaman yang tidak dapat kita lupakan. Perjuangan untuk mencapai kemerdekaan dan segala usaha kita untuk membina negara Malaysia moden memaksa kita melalui pelbagai liku-liku sejarah dan menempuh pelbagai cabaran. Kita tidak harus lupa dengan hakikat jasa-jasa belia yang telah berjuang untuk membebaskan bangsa dan tanah airnya daripada belenggu penjajahan.

Oleh itu, walaupun masa berlalu, dan generasi yang baru akan meninggalkan sejarah yang telah kita lalui jauh ke belakang, mereka tidak harus lupa tentang asas-asas perjanjian yang telah dicapai oleh pejuang-pejuang kemerdekaan kita.

Kaum belia sebagai penghubung antara generasi harus membawa bersama mereka sejarah bangsa Malaysia moden ini supaya, walau dalam apa jua sekalipun, mereka yang datang kemudian akan sentiasa menghormati asas-asas dan persetujuan yang telah kita capai semasa kita memperjuangkan kemerdekaan Malaysia.

PEMANGKIN SEMANGAT NASIONALISME BELIA MELAYU

Keputusan Kerajaan British untuk menjadikan negeri-negeri Melayu sebagai tanah jajahannya serta menghapuskan kedaulatan Raja-raja Melayu pada Oktober 1945 melalui Malayan Union telah membangkitkan semangat juang orang-orang Melayu. Major Yeop bin Mahidin, Kapten Abdul Razak bin Dato' Hussein, Leftenan Muhammad Ghazali Shafie daripada Pasukan Wataniah telah mengambil inisiatif untuk menentang rancangan British itu. Pada pandangan pemuda ini, kiranya dibiarkan British melaksanakan dasar itu kemungkinan orang Melayu akan menjadi pengemis di tanah airnya sendiri.

Mereka telah menghubungi Dato' Onn bin Jaafar, Menteri Besar Johor, yang terkenal dengan semangat kebangsaannya yang



tinggi, untuk menggerakkan orang Melayu menentang Malayan Union. Hasilnya pada 11 Mei 1946, sebuah pertubuhan yang dikenali sebagai United Malay National Organisation atau UMNO telah ditubuhkan dengan Dato' Onn bin Jaafar sebagai Yang Dipertua dan Kapten Hussein bin Dato' Onn sebagai Ketua Pemuda.






'Hidup Melayu' telah menjadi slogan perjuangan UMNO.

Turut membantu dalam perjuangan itu ialah Zainal Abidin bin Ahmad atau Za'aba, Cik Guru Buyung Adil dan Samad Ahmad daripada Persatuan Melayu Selangor. Akhbar-akhbar Melayu seperti Majlis dan Utusan Melayu yang didokong oleh wartawan muda Melayu turut memainkan peranan dalam gerakan menentang Malayan Union.




Hasil kegigihan UMNO dan sokongan padu Raja-raja Melayu dan rakyat jelata, Malayan Union telah diganti dengan Persekutuan Tanah Melayu pada tahun 1948. Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu telah mengiktiraf kedaulatan Raja-raja Melayu dan keperibumian orang Melayu.





Pada 1951, wakil Pemuda telah membawa usul supaya slogan UMNO ditukar daripada 'Hidup Melayu' kepada 'Merdeka'. Usul itu telah diterima dan sejak itu perjuangan UMNO bukan lagi untuk menghidupkan orang Melayu tetapi untuk membebaskan orang Melayu dan tanah airnya daripada belenggu penjajahan British.

Sesungguhnya sumbangan dan peranan belia dalam perjuangan menentang Malayan Union amat besar sekali. Benar seperti ditegas oleh Tun Abdul Razak Hussein, belia adalah pemangkin perubahan.



PERJUANGAN BELIA DALAM MENUNTUT KETUANAN MELAYU

Berakhirnya Perang Dunia Kedua pada 1945 memperlihatkan kebangkitan orang Melayu menuntut hak dan kemerdekaan. Golongan belia dalam mempertahankan maruah bangsa dan kedaulatan tanah air berada di barisan hadapan. Hasil daripada perjuangan itu, Malayan Union berjaya dirobuhkan. Dalam gerakan menentang Malayan Union (1946-48), golongan belia berganding bahu bagi menyatukan orang Melayu dengan slogan 'Hidup Melayu'. Persatuan Melayu Great Britain turut menentang dasar Malayan Union. Persatuan Melayu ini yang ditubuhkan pada 1927 di London merupakan satu badan yang menggabungkan kesedaran di kalangan penuntut-penuntut Melayu di United Kingdom dan melaluinya kesedaran itu disuarakan.

Persatuan ini telah ditubuhkan dengan matlamat memupuk persefahaman yang lebih baik di kalangan orang Melayu dan menggalakkan perpaduan Melayu. Persatuan Melayu memainkan peranan aktif dalam pergolakan politik di Tanah Melayu selepas Perang Dunia Kedua. Ahli-ahlinya saling bertukar pendapat di antara mereka mengenai kewarganegaraan, dasar ekonomi, buruh dan imigresen, dasar tanah, pelajaran dan perkhidmatan sosial.

Apabila British mengumumkan hasratnya untuk melaksanakan dasar Malayan Union di Tanah Melayu pada tahun 1945, Persatuan Melayu telah menyampaikan bantahan rasmi kepada Setiausaha Tanah Jajahan British pada bulan Februari 1946. Persatuan Melayu menjadi jurubicara di Britain dengan menyuarakan kepada rakyat British bantahan orang-orang Melayu terhadap cadangan tersebut. Akibatnya, hasil usaha Persatuan Melayu itu dasar Malayan Union turut dibantah oleh rakyat Britain dan memaksa kerajaan British menggantinya dengan dasar Persekutuan.

Selajah Belia

INSTITUT PENYELIDIKAN PEMBANGUNAN BELIA MALAYSIA
Kementerian Belia dan Sukan Malaysia
Aras 10, Menara KBS, Lot 4G4, Presint 4
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62570 Putrajaya, Malaysia
Tel: +603 - 8871 3000 / 8871 3705 • Faks: +603 - 8871 3342
Laman web: www.youth.org.my

